

# Pelajar, sukarelawan gembleng tenaga jaga alam sekitar

**Kuala Pilah:** Pelajar Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), bersama sukarelawan Earth Rescuers Malaysia bergembleng tenaga menjalankan aktiviti penjagaan alam sekitar di Hutan Lipur Ulu Bendul di sini, baru-baru ini.

Kumpulan peserta UKM diketuai oleh Dr Maslawati Mohamad selaku penasihat program dari universiti itu, manakala Earth Rescuers Malaysia pula diterajui Presidennya, Nor Azimah Mohd Taib.

## **Kutip sampah**

Di samping itu, beberapa pelajar Universiti Teknologi MARA (UiTM) Cawangan Negeri Sembilan Kampus Seremban tidak ketinggalan

mengambil bahagian.

Melalui program itu, peserta mengutip sampah bagi menjaga kebersihan alam sekitar sambil menerokai keindahan khazanah alam di hutan lipur berkenaan.

Mereka bersyukur tidak banyak sampah dijumpai yang secara langsung menunjukkan hutan lipur itu berada bawah penyeliaan baik dan pengunjung menyedari kepentingan memulihara alam sekitar.

Peserta, Raja Isman Munif Raja Anuar, 20, berkata program itu dapat membuka minda mengenai cabaran dihadapi pihak bertanggungjawab dalam usaha memastikan hutan lipur berkenaan sentiasa bersih dan selamat.

## **Fakta nombor**

**Aktiviti penjagaan alam sekitar di Hutan Lipur Ulu Bendul**

**40 PESERTA**  
jayakan



*Peserta gembira menjayakan inisiatif menjaga alam sekitar di Hutan Lipur Ulu Bendul.*